

# STRATEGI PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM MENURUT QIYAS AL-USULIY<sup>1</sup>

Shahir Akram Hassan<sup>2</sup>

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang Tel: 04-653 2910; Faks: 04-653 2124  
E-mel: shahirakram@usm.my / shahir\_isdev@yahoo.com



## ABSTRAK

Dalam penyelidikan lazim, sesuatu penyelidikan yang dibuat mestilah bersifat logik dan rasional. Untuk menjadikan sesuatu penyelidikan itu logik dan rasional, kebiasaannya sesuatu penyelidikan akan menggunakan kaedah induktif atau kaedah deduktif. Kaedah induktif ialah strategi kajian yang membuat rumusan umum daripada hasil-hasil dapatan yang khusus. Kaedah deduktif pula ialah strategi yang melakukan rumusan yang khusus daripada hasil-hasil dapatan yang umum. Dalam Kaedah Penyelidikan Islam, menurut ilmu mantik terdapat tiga strategi yang boleh digunakan. Tiga strategi tersebut ialah *istiqra'*, *qiyas* dan *tamthil*. *Istiqra'* dan *qiyas* merupakan strategi yang mirip kepada induktif dan deduktif walaupun ada perbezaan yang tersendiri. *Tamthil* pula merupakan satu kaedah yang mempunyai signifikan yang tersendiri dalam Islam dengan diaplikasikan dalam ilmu *usul fiqh* dan tiada dalam strategi penyelidikan lazim. *Tamthil* dikenali sebagai *qiyas al-usuliy* dalam ilmu *usul fiqh*. Persoalannya bagaimanakah *qiyas al-*

<sup>1</sup> Kertas kerja yang dibentangkan di *Konferensi Internasional Pembangunan Islami* (KIPI 2), anjuran bersama PusKAPI, Universitas Jember dan ISDEV, Universiti Sains Malaysia, pada 8 hingga 10 September 2015, di Universitas Jember, Jember, Indonesia.

<sup>2</sup> Shahir Akram Hassan ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

*usuliy* diaplikasikan dalam usul fiqh? Bagaimanakah pula *qiyas al-usuliy* dapat diaplikasikan sebagai strategi penyelidikan dalam Kaedah Penyelidikan Islam? Kertas kerja ini tertumpu kepada perbincangan tentang strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut *qiyas al-usuliy*. Kertas kerja ini akan menjawab persoalan-persoalan ini melalui dua objektif. Pertama, mengenal pasti strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut *qiyas al-usuliy*. Kedua, menganalisis strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut *qiyas al-usuliy* untuk diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kertas kerja ini akan dibuat menggunakan kajian perpustakaan dan analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati *tamthil* dan *qiyas* dalam *usul fiqh* sebenarnya dua kaedah yang sama-sama berasal daripada kaedah penaakulan mantik. Menurut *ilmu usul fiqh*, *qiyas al-usuliy* terdapat empat rukun. Pertama, asal. Kedua, *al-furu'*. Ketiga, *'illah* yang mengumpulkan sebab dibuat *tamthil*, sama ada sebab yang zahir atau hukum yang disandarkan kepada asal. Keempat, sebab zahir atau hukum asal bagi sesuatu perkara. Kekuatan dan kesahan strategi *qiyas al-usuliy* yang boleh digunakan bergantung kepada perhatian yang diberikan kepada perbincangan berkenaan *'illah*. Hasil analisis juga mendapati strategi penyenaikan *qiyas al-usuliy* lebih mendalam dan membawa kepada ilmu *yakin*.

## Pendahuluan

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan strategi penyelidikan dalam penyelidikan berteraskan Islam menurut *qiyas al-usuliy*. Strategi penyelidikan yang dimaksudkan ialah cara yang pelbagai untuk menjawab persoalan kajian dengan menentukan titik mula, langkah-langkah yang perlu diambil dan satu titik tamat (Blaikie, 2009). Mengikut amalan penyelidikan lazim, sekurang-kurangnya terdapat empat strategi penyelidikan dalam penyelidikan Sains Sosial. Empat strategi tersebut ialah induktif, deduktif, retroduktif dan abduktif (Blaikie, 2009 & Reevany Bustamy et

2006). Namun dua strategi utama yang biasa digunakan ialah induktif dan deduktif. Retroduktif dan abduktif pula timbul hasil daripada perbezaan diperingkat falsafah dan masih berkembang termasuklah dari sudut penggunaannya (Reevany Bustamy et al, 2006). Walau pun induktif dan deduktif kebiasaannya digunakan sebagai satu kaedah penaakulan dalam ilmu logik atau mantik. Namun jika disebut induktif dan deduktif dalam konteks kaedah penyelidikan ia dinamakan strategi penyelidikan kerana induktif atau deduktif akan menentukan falsafah, prosedur, langkah-langkah atau instrumen yang akan digunakan dalam menjalankan penyelidikan.

Menurut ilmu mantik pula, bagi mendapatkan keputusan atau mendatangkan dalil, sekurang-kurangnya terdapat tiga strategi yang boleh digunakan. Tiga strategi tersebut ialah *istiqra*, *qiyas* dan *tamthil*. Antara tiga strategi tersebut, *tamthil* merupakan satu kaedah yang mempunyai signifikan yang tersendiri dalam Islam dengan diaplikasikan dalam ilmu *usul fiqh* dan tiada dalam strategi penyelidikan lazim. *Tamthil* dikenali sebagai *qiyas al-usuliy* dalam ilmu *usul fiqh*. Persoalannya bagaimanakah *qiyas al-usuliy* diaplikasikan dalam *usul fiqh*? Bagaimanakah pula *qiyas al-usuliy* dapat diaplikasikan sebagai strategi penyelidikan dalam Kaedah Penyelidikan Islam? Kertas kerja ini tertumpu kepada perbincangan tentang strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut *qiyas al-usuliy*. Kertas kerja ini akan menjawab persoalan-persoalan ini melalui dua objektif. Pertama, mengenal pasti strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut *qiyas al-usuliy*. Kedua, menganalisis strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut *qiyas al-usuliy* untuk diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam.

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, kertas kerja ini akan membincangkan sekurang-kurangnya lima perkara. Pertama, strategi penyelidikan lazim. Kedua, strategi penyelidikan menurut ilmu mantik. Ketiga, *qiyas al-usuliy* menurut ilmu *usul fiqh*. Keempat, analisis strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut *qiyas al-usuliy* dan kelima, kesimpulan. Strategi penyelidikan lazim dibincangkan sebagai gambaran awal kepada strategi penyelidikan yang diguna pakai kini. Perbincangan berkenaan strategi penyelidikan lazim dirasakan perlu kerana setelah difahami apakah

itu strategi penyelidikan, barulah dilihat adakah terdapat dalam ilmu mantik. Tambahan pula, mungkin terdapat persamaan pada strategi penyelidikan lazim dan Islam dari sudut nama jika diterjemah secara literal. Namun kertas kerja ini akan membuktikan terdapat perbezaan antara strategi penyelidikan lazim dan strategi penyelidikan Islam. Seterusnya diperkenalkan strategi penyelidikan menurut *qiyas al-usuliy* seperti yang dibincangkan dalam *usul fiqh*. Setelah itu, barulah analisis strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut *qiyas al-usuliy* dapat dilakukan untuk membincangkan kaedah *qiyas al-usuliy* dalam konteks strategi dalam menjalankan penyelidikan. Perbincangan-perbincangan yang dinyatakan adalah seperti berikut.

## Strategi Penyelidikan Lazim

Dua strategi yang biasa digunakan dalam penyelidikan Sains Sosial lazim ialah deduktif dan induktif. Deduktif ialah penalaran daripada kesimpulan atau rumusan umum kepada kes-kes khusus. Sebaliknya induktif pula ialah penalaran daripada kes khusus kepada kesimpulan atau rumusan umum (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2005).

Kaedah deduktif merupakan satu kaedah penaakulan yang membawa kepada kesimpulan yang benar sekiranya berasaskan premis yang betul dan dengan penghujahan yang disusun baik. Oleh itu, penaakulan deduktif dapat menjamin kekuatan kesimpulan yang didapati dari bukti-bukti. Sekiranya premis yang digunakan adalah benar, penghujahan akan menghasilkan satu penalaran yang kuat dan kukuh. Ini menjadikan kaedah deduktif senang untuk dinilai sama ada sesuatu penaakulan deduktif itu baik atau tidak. Sekiranya penghujahan yang dipaparkan boleh diterima, ia dipanggil penghujahan yang benar. Sekiranya sesuatu penghujahan yang didatangkan tidak tepat, ia dipanggil penghujahan yang tidak benar (Boyd, 2003).

Menurut Boyd (2003), deduktif mempunyai tiga ciri. Pertama, skop konklusi mestilah tidak melebihi skop pembuktian. Kedua,

pembuktian yang disediakan mestilah merupakan asas kepada kesimpulan dan ketiga, kesimpulan mestilah benar sekiranya bukti-bukti yang didatangkan adalah benar. Daripada ciri-ciri yang dikemukakan, ia menggambarkan yang penaakulan deduktif akan menghasilkan kebenaran. Ia dikatakan benar kerana deduktif tidak menghasilkan maklumat yang baru. Ia kerana apa yang ada dalam premis, itulah yang akan didapati dalam kesimpulan. Ini bermakna tiada ilmu baru yang dihasilkan dan tiada perkembangan ilmu pengetahuan.

Berbanding deduktif, kaedah induktif bertujuan menghasilkan ilmu baru. Kaedah induktif yang menalar dari kes-kes khusus kepada kesimpulan atau rumusan umum pastinya akan menghasilkan ilmu baharu dan memperkembangkan lagi ilmu pengetahuan yang ada. Cuma oleh kerana induktif menghasilkan ilmu baru, maka kebenaran kesimpulan adalah tidak terjamin. Maka ciri-ciri induktif adalah seperti berikut. Pertama, skop kesimpulan mestilah melebihi skop bukti. Kedua, bukti yang dikemukakan tidak boleh dijadikan asas kepada kesimpulan. Ketiga, boleh jadi kesimpulan yang didapati tidak benar walaupun bukti-bukti yang dikemukakan adalah benar.

Sebagaimana berbezanya pengertian dan ciri-ciri deduktif dan induktif, begitu jugalah berbezanya instrumen-instrumen yang digunakan. Misalnya untuk proses deduktif, proposisi, penghujahan bersyarat, silogisme, penghujahan dan logik predikat. Untuk induktif pula, generalisasi induktif, penghujahan melalui analogi, penaakulan statistik, penerangan, teori kebarangkalian, induktif enumeratif dan penaakulan sebab akibat (Kelley, 1998 & Boyd, 2003).

## Strategi Penyelidikan Menurut Ilmu Mantik

Menurut ilmu mantik pula, bagi mendapatkan keputusan atau mendatangkan dalil, sekurang-kurangnya terdapat tiga strategi yang boleh digunakan. Tiga strategi tersebut ialah *istiqra*, *qiyas* dan *tamthil*.

*Istiqra* jika diterjemah secara literal bermaksud induktif. Menurut ilmu mantik, *istiqra* ialah kajian yang dilakukan pada perkara-perkara yang *juziyyah* sepenuhnya atau sebahagian

daripadanya untuk sampai kepada hukum am yang mencakup keseluruhannya (al-Habannakah,1993). *Istiqlra* terbahagi kepada dua *Istiqlra tam* dan *Istiqlra naqls*. *Istiqlra tam* ialah kajian yang dilakukan pada perkara-perkara yang *juziyyah* sepenuhnya. *Istiqlra naqls* pula kajian yang dilakukan kepada sebahagian daripada perkara-perkara yang *juziyyah*. *Istiqlra* mempunyai tiga peringkat. Pertama peringkat percubaan dan mengambil perhatian (*al-Tajribah wa al-mulahazah*). Kedua, peringkat membuat hipotesis (*al-Furudh al-ilmiyyah*). Ketiga peringkat mencapai hipotesis (*Tahqiq al-furudh*).

Perbezaan *Istiqlra* dalam ilmu mantik dengan induktif dalam strategi penyelidikan lazim ialah pada peringkat ketiga. Dalam mencapai hipotesis, *istiqlra* lazim menerima pakai kaedah *bawaql* manakala *Istiqlra* dalam mantiq menggunakan kaedah *al-sabru wa al-taqsim* iaitu membuang dan mengasingkan hipotesis-hipotesis yang didapati tidak diterima. Kelemahan kaedah *bawaql* ialah setelah hipotesis-hipotesis dapat dibuktikan, hipotesis yang tidak dapat dijelaskan dikira betul. Berbanding kaedah *al-sabru wa al-taqsim* tadi ia lebih objektif dengan menguji dan mengasingkan hipotesis-hipotesis yang tidak dapat dijelaskan (al-Habannakah, 1993).

Jika *istiqlra* adalah membuat kenyataan umum hasil daripada hipotesis-hipotesis yang berulang-ulang, terdapat strategi yang berlawanan dengan *istiqlra*, iaitu *qiyas*. *Qiyas* pula ialah merupakan kalimat yang tersusun dari beberapa *qhadhiyah*, jika *qhadhiyah* itu benar, maka lazim daripadanya menurut keadaan *qhadhiyah* itu menimbulkan suatu *qhadhiyah* yang lain dan baru, seperti:

- Q1 Besi itu, ialah logam.
- Q2. Tiap-tiap logam ialah unsur.
- Q3. Maka besi itu merupakan unsur.

Kalau diperhatikan sungguh-sungguh *qhadhiyah* yang tersusun dalam contoh ini, *qiyas* menyandarkan sesuatu kepada sesuatu yang lain dengan perantaraan suatu yang ketiga (sebagai perantaraan) untuk menghubungkan keduanya.

Jelasnya kita menyandarkan pada besi setelah disandarkan masing-masing kepada yang ketiga, ialah logam, maka logam sebagai hal yang ketiga yang ada hubungannya atau persamaan

disandarkan kepada masing-masing, dari besi dan unsur dan perantaraan yang ketiga, dapat diambil kesimpulan bahwa perbandingan antara besi dan unsur, maka sesungguhnya hal yang ini menurut hakikatnya sebagai ukuran yang dapat menghubungkan antara besi dan unsur. Dari sebab itu istidlal yang macam ini disebut qiyas.

Definisi *Qiyas (Syllogisme)* ialah suatu pengambilan kesimpulan mana kita menarik dua macam keputusan (*qhadhiyah*) yang mengandung unsur bersamaan dan salah satunya harus sejagat. Keputusan ketiga yang kebenarannya sama dengan kebenaran yang pada kedua keputusan yang terdahulu itu.

*Qiyas* merupakan perbandingan antara dua perkara dengan perkara yang ketiga, maka sesungguhnya *qiyas* itu harus mengandung tiga lafaz. Dari ketiga lafaz itu tersusun tiga *qhadhiyah* seperti berikut. *Qhadhiyah* pertama, mengandung dan menisbahkan salah satu dari dua perkara kepada perkara yang ada persamaannya. *Qhadhiyah* yang kedua, mengandung atau menisbahkan perkara yang kedua kepada perkara yang ada persamaannya. *Qhadhiyah* yang ketiga, mengandung atas nisbah salah satu dari dua perkara kepada perkara yang lain (Ahmad Damanhuri, 2006).

Selain daripada *istiqra* dan *qiyas*, menurut ilmu mantik, terdapat kaedah yang ketiga iaitu *tamthil*. *Tamthil* ialah kata-kata pada *qadiyyah* yang mengandungi penerangan *musyarakah* (bersamaan) *juz'i* bagi 'illah *qadiyyah* yang satu lagi. Oleh sebab itu, nisbatkan hukum *qadiyyah* yang pertama kepada *qadiyyah* yang kedua. Contohnya, burung boleh terbang kerana mempunyai sayap. Sekiranya manusia mampu membuat sayap seperti burung, mampu mengepak dan mengawal arah seperti yang sepatutnya, maka manusia juga boleh terbang.

*Tamthil* juga dikenali sebagai *qiyas al-usuliy* (al-Habannakah, 1993; Ahmad Hasan, 1986). Dinamakan *qiyas usuli* kerana *qiyas* dalam *usul fiqh* merupakan proses yang diambil daripada rukun *Tamthil* ini. Cuma yang membuatkan *qiyas al-usuli* ini kuat adalah kerana hukum asal atau sandaran asal diambil daripada nas sama ada al-Qur'an atau Hadith. Oleh sebab itu, *qiyas* dalam *usul fiqh* menggunakan rukun yang sama dengan rukun *tamthil*. Untuk

membuat *tamthil*, terdapat empat rukun. Pertama, perkara asal (*al-asl*). Kedua, perkara cabang (*al-furu'*). Ketiga, 'illah (sebab) yang mengumpulkan sebab dibuat *tamthil*, sama ada sebab yang zahir atau hukum yang disandarkan kepada asal. Keempat, sebab zahir atau hukum asal bagi sesuatu perkara. Ini menjadikan *tamthil* dan *qiyas* dalam usul fiqh sebenarnya dua kaedah yang sama-sama berasal daripada kaedah penaakulan mantik.

*Tamthil* yang telah digunakan secara meluas oleh ulama sejak dahulu lagi. *Tamthil* atau *Qiyas al-Usuliy* inilah yang akan dibincangkan secara mendalam dalam kertas kerja ini. *Qiyas al-Usuliy* menurut ilmu usul fiqh adalah seperti perbincangan berikut:

### ***Qiyas Al-Usuliy Menurut Ilmu Usul Fiqh***

Dalam ilmu *usul fiqh*, terdapat empat sumber hukum yang disepakati oleh para ulama usul fiqh (Ibrahim 'Abd al-Rahman Ibrahim, 1999). Empat sumber hukum utama yang disepakati oleh ulama ialah al-Qur'an, al-Sunnah, Ijma' dan *qiyas* ('Abd Karim Zaidan, 1993 & Fadhil 'Abd Wahid 'Abd Rahman, 2004). *Qiyas* dalam *usul fiqh* dinamakan *qiyas al-usuliy*. Walaupun dinamakan *qiyas*, dari sudut pandang ilmu mantik kaedah yang digunakan bukan menggunakan *qiyas* ilmu mantik, namun menggunakan kaedah *tamthil*. *Tamthil* ialah analogi. *Qiyas* dalam *usul fiqh* digunakan untuk menerangkan hukum ke atas sesuatu perkara atau fenomena baharu yang tiada hukum dengan mencari hukum ke atas perkara yang sama atau hampir dalam dalam hukum itu sendiri.

Misalnya, fenomena baharu kini seperti pengharaman dadah jenis syabu dan lain-lain jenis dadah yang baharu. Setakat yang dinyatakan oleh ulama-ulama terdahulu tiada dalil yang jelas daripada al-Qur'an mahupun al-sunnah yang menerangkan pengharaman dadah. Bagaimanapun, pengharaman dadah tersebut adalah berdasarkan pengharaman ke atas arak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa*

*keduanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: apakah Yang mereka akan belanjakan (dermakan)? katakanlah: "Dermakanlah-apa-apa) Yang berlebih dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya supaya kamu berfikir". (al-Baqarah, 2:219)*

Daripada ayat di atas, pengharaman adalah jelas ke atas arak dan judi. Tiada istilah dadah dinyatakan. Namun pengharaman dapat dihukumkan ke atas dadah apabila dilakukan *qiyas al-usuliy* kepada sifat dan sebab arak diharamkan iaitu memabukkan. Sabda Nabi SAW:

"Apa yang memabukkan dalam jumlah yang banyak, adalah diharamkan walau dalam jumlah yang sedikit."  
(Hadith Riwayat Ibnu Majah: Hadith No. 3392).

Oleh sebab arak itu memabukkan, maka arak diharamkan. Maka, setiap sesuatu yang memabukkan, jika cukup syaratnya, ia boleh diqiyaskan pengharaman arak ke atas perkara tersebut. Hal inilah yang berlaku pada pengharaman dadah. Begitulah *qiyas al-usuliy* berfungsi dalam menyelesaikan hukum ke atas perkara dan fenomena baharu yang datang dalam Islam dan umat Islam.

*Qiyas* dari sudut bahasa Arab *al-Qiyas* ialah anggaran dan penyamaan. Dari sudut istilah *al-Qiyas* ialah menyamakan perkara cabang dengan perkara asal dalam hukum berdasarkan sebab yang merangkumi kedua-duanya (Fadhil 'Abd Wahid 'Abd Rahman, 2004). Maksud perkara cabang ialah perkara yang diqiyaskan. Maksud perkara asal ialah yang diqiyaskan kepadanya. Maksud hukum ialah wajib, haram, sah, fasad dan lain-lain yang ditentukan oleh dalil Syara'. Maksud sebab ialah perkara yang menjadi punca bagi hukum sesuatu asal. Empat perkara ini adalah merupakan rukun-rukun *Qiyas*.

Dalam menggunakan *qiyas al-usuliy* sebagai sumber hukum, terdapat lima syarat yang harus dipatuhi. Pertama, tidak boleh bercanggahan dengan dalil yang lebih kuat daripadanya.

Sekiranya *Qiyas* menyalahi nas, al-Ijma' dan kata-kata sahabat (di sisi mereka yang menganggapnya hujah), ianya adalah tertolak dan dinamakan *Qiyas Fasid al-I'tibar* (rosak pengiktirafannya). Kedua hukum asal mestilah sabit dengan nas atau al-Ijma'. Sekiranya hukum asal sabit dengan *Qiyas* lain, tidak boleh dibuat *Qiyas* lain berdasarkan asal itu. Namun boleh dibuat *Qiyas* kepada asal yang pertama kerana merujuk kepadanya adalah lebih utama. Juga kerana kemungkinan tidak sah diqiyaskan cabang kepada asal kedua kerana membuat *Qiyas* kepada cabang kemudian diqiyaskan pula cabang itu kepada asal merupakan pemanjangan yang tidak berfaedah.

Ketiga, hukum asal mestilah mempunyai sebab yang diketahui supaya dapat dikumpulkan antara asal dengan cabang dalam sebab itu. Sekiranya hukum asal berunsur ibadah semata-mata, tidak sah dibuat *Qiyas* ke atasnya. Keempat, sebab mestilah merupakan erti yang berkaitan dengan hukum, yang dapat diketahui pengiktirafannya daripada kaedah *Syara'*, seperti mabuk dalam *khamr* (arak). Sekiranya erti tersebut merupakan suatu sifat yang kebetulan, yang tidak mempunyai munasabah dengan hukum, tidak sah dijadikannya sebab kepada hukum, seperti warna hitam atau putih. Kelima, sebab mestilah wujud dalam cabang sebagaimana ianya wujud di dalam asal, seperti menyakiti dalam memukul kedua ibu bapa yang diqiyaskan kepada menyebut "uf". Sekiranya sebab itu tidak wujud dalam cabang, tidak sah *Qiyas* tersebut.

Apabila *qiyas* dilakukan, *qiyas* boleh dikelaskan kepada beberapa tingkatan dan tahap kekuatan yang tersendiri. Perbezaan tersebut didasarkan pada tingkat kekuatan hukum kerana adanya 'illah yang ada pada asal dan *furu'*. Umumnya tingkat kekuatan *qiyas* terbahagi kepada 3 iaitu, pertama, *qiyas aula*, kedua *qiyas musawwa'* dan *qiyas adna* ('Abd Karim Zaidan, 1993).

*Qiyas aula* ialah *qiyas* yang apabila 'illahnya mewajibkan adanya hukum. Antara hukum asal dan hukum yang disamakan (*furu'*) dan hukum cabang memiliki hukum yang lebih utama daripada hukum yang ada pada al-asal. Misalnya berkata kepada kedua orang tua dengan mengatakan "uf", "ah", "tidak" atau kata

lain yang semakna dan menyakitkan itu hukumnya haram, yang sesuai dengan Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan Tuhanmu Telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan “uf” dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia” (Al-Israa, 17:23).*

Disini diqiyaskan membalas dengan perkataan “uf”, “uh”, “ah”, dan sebagainya hukumnya lebih utama.

*Qiyas Musawi* pula ialah *qiyas* yang apabila ‘illahnya mewajibkan adanya hukum dan sama antara hukum yang ada pada *al-ashl* mahupun hukum yang ada pada *al-furu'* (cabang) (Abd Karim Zaidan, 1993). Contohnya, keharaman memakan harta anak yatim berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, Sebenarnya mereka itu menelan api sepenuh perutnya dan mereka akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala (neraka) (al-Nisa', 4:10).*

Dapat diqiyaskan bahawa segala bentuk kerosakan atau kesalahan pengelolaan atau pun salah laku dalam pengurusan yang menyebabkan hilangnya harta tersebut juga dilarang seperti memakan harta anak yatim tersebut.

*Qiyas Adna* terjadi apabila hukum *al-furu'* lebih lemah bila dirujuk dengan hukum *al-ashl*. Sebagai contoh, mengqiyaskan hukum epal kepada gandum dalam hal riba *fadl* (riba yang terjadi kerana adanya kelebihan dalam tukar-menukar antara dua bahan keperluan asasi atau makanan). Dalam masalah ini ‘illah hukumnya adalah baik

epal mahupun gandum merupakan jenis makanan yang boleh dimakan dan timbang ('Abd Karim Zaidan, 1993).

Daripada perbincangan di atas, dapat difahami bahawa daripada empat rukun *qiyas* sebelum ini, perkara yang paling penting dan kritikal ialah '*illah*'. Jika tepat penggunaan '*illah*', maka tepatlah hukum *qiyas* yang dilakukan, manakala jika silap '*illah*' maka silaplah hukum *qiyas* (al-Ghazali, 1993; al-Sa'diy, 1993).

Oleh yang demikian, bagi mengurangkan kesilapan dalam melakukan *qiyas*, ilmu *usul fiqh* telah mencadangkan sekurang-kurangnya lima cara untuk mendapatkan '*illah*' yang tepat (al-Ghazali, 1993; al-Sa'diy, 1993).

Pertama, nas (*Nas*). Maksudnya, '*illah*' berkenaan dinaskan oleh al-Quran atau Al-sunnah sama ada secara *qat'i* atau *zanni*. Yang dimaksudkan dengan nas secara *qat'i* ialah nas yang menyebutkan secara jelas sampai tidak mempunyai kemungkinan makna lain selain menjelaskan bahawa sesuatu sifat itu menjadi '*illah*' kepada hukum tertentu. Misalnya dengan menyebut secara jelas dalam nas perkataan '*illah*', berasaskan *sebab*, oleh kerana, supaya dan sebagainya ('Abd Karim Zaidan, 1993).

Kedua, isyarat (*al-limaa'*). Dalam bahasa Arab, *iima'* bererti isyarat secara halus. Dalam konteks ini ialah ketentuan '*illah*' berkenaan bukan berasaskan kepada pengertian atau maksud zahir ungkapan nas tetapi daripada isyarat halus yang wujud dalam nas. Ia berbeza dengan kaedah pertama iaitu nas kerana ketentuan '*illah*' dalam kaedah ini difahami daripada pengertian zahir perkataan itu sendiri.

Ketiga, *ijma'*. Dimaksudkan dengan *ijma'* ialah kesepakatan para fuqaha pada mana-mana zaman tentang kedudukan sesuatu sebagai '*illah*' kepada suatu hukum tertentu. Sebagai contoh, *ijma'* para fuqaha menjadikan gabungan pertalian seibu dan sebapa antara adik beradik kandung sebagai '*illah*' untuk mereka mendapatkan keutamaan berbanding adik-beradik sebapa dalam masalah pusaka. '*Illah*' tersebut kemudiannya digunakan sebagai asas bagi mengutamakan adik-beradik seibu sebapa berbanding adik-beradik sebapa dalam masalah wali perkahwinan dan hadana, berasaskan prinsip *qiyas* (al-Sa'diy, 1993).

Keempat, penyaringan (*al-sabru wa taqsim*). Proses penyaringan ialah bagi sesuatu yang mungkin boleh dijadikan 'illah bagi kes asal dan kemudiannya sifat-sifat ini akan disaring dengan menyingkirkan sifat yang tidak sesuai menjadi 'illah sehingga hanya tinggal sifat-sifat yang sesuai untuk dijadikan 'illah sahaja. Penyaringan dibuat berasaskan dalil dan bukti bahawa sesuatu sifat itu tidak sesuai dan tidak menepati ciri-ciri suatu 'illah (al-Ghazali, 1993).

Kelima, kesesuaian (*Munasabah*). Dalam penggunaan biasa, kesesuaian bererti keselarasan dan kesamaan. Sebagai satu istilah, ia dirumuskan oleh para fuqaha sebagai keserasian yang terdapat antara gejala dan hukum. Ianya sampai kepada peringkat yang boleh menjadi asas kepada penentuan hukum yang mampu merealisasikan kepentingan yang menjadi objektif kepada syariat Islam dalam menentukan hukum berkenaan, iaitu menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan. Antara contoh popular yang selalu disebutkan ialah mabuk. Ia adalah gejala yang serasi atau sesuai menjadi asas kepada pengharaman arak. Tambahan pula keserasian tersebut juga boleh mencapai matlamat syarak dalam pensyariatian hukum iaitu untuk mendapat manfaat dan menolak mudarat kerana arak boleh merosakkan fungsi akal (al-Ghazali, 1993).

## Analisis Strategi Penyelidikan Berteraskan Islam Menurut Qiyas Al-Usuliy

*Tamthil* (*Qiyas al-usuliy*) secara umumnya jarang digunakan sebagai satu strategi menjalankan penyelidikan dalam kaedah penyelidikan lazim. Namun dengan sandaran sumber dalam Islam yang mencapai darjat yakin iaitu al-Qur'an dan hadith, *tamthil* boleh dijadikan strategi malah sumber hukum dalam Islam. Terutamanya dalam mendapatkan hukum yang tidak ada dalam nas, tapi dianalisis dan diambil hukum daripada nas yang hampir serupa dengannya berdasarkan beberapa syarat.

Kertas kerja ini merasakan *tamthil* mempunyai kekuatan tersendiri untuk dijadikan satu strategi penyelidikan terutamanya bagi mengkaji hukum atau fenomena yang tiada dalil yang jelas

dalam al-Qur'an dan Hadith. Dengan kajian menggunakan strategi *tamthil* yang serupa dengan *qiyas* dalam *usul fiqh*, dipercayai kajian seperti ini akan dapat menetapkan hukum atau menjelaskan fenomena sesuatu perkara dengan mengkaji 'illah fenomena atau permasalahan yang baru.

Sekurang-kurangnya terdapat tiga sebab *qiyas al-usuliy* sesuatu dijadikan sebagai salah satu strategi dalam menjalankan penyelidikan berkenaan Islam dan orang Islam. Perbincangan dengan lebih jelas adalah seperti berikut.

Pertama, dengan menggunakan strategi penyelidikan berasaskan *qiyas al-usuliy*, sesuatu perkara baharu atau fenomena baharu yang berlaku dalam masyarakat dapat dijelaskan dan disusunkan apakah kedudukan hukum atau sekurang-kurangnya menyatakan pandangan Islam terhadap sesuatu perkara itu. Maka sedikit demi sedikit, kajian berkaitan Islam dan orang Islam akan merujuk kembali nas yang ada dalam al-Qur'an dan hadith dengan menggunakan kaedah yang betul. Hasilnya, pandangan Islam yang sebenar dapat ditonjolkan dalam kajian-kajian berkenaan Islam dan orang Islam.

Kedua, dari sudut kaedahnyanya, *qiyas al-usuliy* didapati telah menyediakan asas yang kukuh untuk dijadikan sebagai satu strategi yang tersendiri dalam menjalankan sesebuah penyelidikan. Perkara ini dapat dilihat dengan adanya rukun *qiyas al-usuliy* yang jelas adanya penjelasan berkenaan tingkat dan tahap kekuatan sesuatu *qiyas al-usuliy* itu dan yang paling jelas ialah kriteria dan kaedah penetapan 'illah cukup dititik-beratkan.

Ketiga, atas persamaan pada kaedah *tamthil* dan *qiyas usuliy* ulama Islam dapat membina kaedah *qiyas al-gha'ib 'ala al-shahid* (Qiyaskan perkara yang ghaib dengan perkara yang dapat dilihat), *'intaj al-muqaddamat al-nata'ij* (Premis yang menghasilkan Keputusan), *butlan al-dalil yu'zan bibutlan al-madlul* (Terbatalnya dalil yang disangka dengan terbatalnya perkara yang disandarkan dalil padanya) (Ali Sami al-Nashshar, 2008). Kaedah-kaedah ini telah berjaya membantu ulama menerangkan perkara-perkara yang ghaib dan tidak nyata kepada orang awam. Begitu juga, kaedah-kaedah ini

menjadi satu kaedah yang membantu dalam membina dan mematahkan penghujahan ke atas sesuatu perkara.

Hasilnya, *Qiyas al-usuliy* yang telah digunakan secara meluas oleh ulama sejak dahulu lagi. Perkaranilah yang cuba dianalisis dan diperkenal untuk digunakan sebagai satu strategi dalam menjalankan penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam.

## Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan empat perkara. Pertama, sekurang-kurangnya terdapat tiga strategi penyelidikan menurut ilmu mantik. Tiga strategi penyelidikan menurut ilmu mantik ialah *istiqra*, *qiyas* dan *tamthil*. Kedua, *tamthil* yang juga dikenali sebagai *qiyas al-usuliy* dapat menyediakan satu cara untuk sesuatu kajian berkenaan Islam dan orang Islam menghuraikan sesuatu perkara atau fenomena yang baru berlaku dalam masyarakat berasaskan petunjuk al-Qur'an dan hadith. Ketiga, setelah diteliti, kaedah dalam menggunakan *qiyas al-usuliy* telah disusun dengan begitu rapi oleh ulama-ulama Islam terdahulu sebagai garis panduan dalam menyusur kembali nas atas sesuatu perkara dan fenomena baharu atau membina analogi yang baik. Keempat, oleh kerana strategi penyelidikan berasaskan *qiyas al-usuliy* mengambil kira nas al-Qur'an dan hadith serta mempunyai kaedah-kaedah yang tersusun secara logik, strategi ini diyakini dapat membawa kepada ilmu yakin atau sekurang-kurangnya ilmu peringkat *zhan*. Pentingnya strategi penyelidikan yang dapat membawa kepada ilmu yakin atau *zhan* supaya dapat dimanfaatkan sebagai pengetahuan kepada Islam dan umat Islam.

## Penghargaan

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk *Geri Penyelidikan dalam Kaedah Penyelidikan dalam dan* telah dibiayai oleh Geran *Research University Individual* (RUI), Universiti Sains Malaysia (2012–2015) [(RUI)1001/CISDEV/816207].

## Bibliografi

Al-Quranul Karim

Abd Karim Zaidan. (1993). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Tauzi' Wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Abdul Rahman Hj Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdul Rahman Hj Abdullah. (2007). *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abu Abdullah Muhammad Ahmad Muhammad 'Ulaisy. (1877). *Idha' Ibda' Hikmah al-Hakim Fi Bayan Bismillahi al-Rahman al-Rahim*. Mesir: Matba'ah al-Wahbiah.

Adler, Emily Stier. (2008). *How It's Done: An Invitation to Social Research*. Belmont, Calif.: Thomson/Wadsworth.

Ahmad Damanhuri. (2006). *Idah al-Mubham Fi al-Ma'ani al-Sullam*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif.

Ahmad Hasan. (1986). *Analogical Reasoning In Islamic Jurisprudence*. Islamabad: The Islamic Research Institute.

Al-Ghazali, Abu Hamid. (1993). *Asas al-Qiyas*. Riyadh: Dar al-'Abikan.

Al-Ghazali, Abu Hamid. (2010). *Ihya al-Ulum al-Din*. Beirut: Dar Sodir.

Al-Habannakah, Abdul Rahman Hassan. (1993). *Dowabit al-Ma'rifa*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Al-Jurjani, Ali Muhammad al-Syarif. (2000). *Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Quasini, Hassan Darwish. (t.t). *Syarh 'Ala Matn al-Sullam Fi al-Mantik*. Rabat: Maktabah Dar al-Iman.

Al-Sa'diy, 'Abd al-Hakim 'Abd al-Rahman As'ad. (2000). *Mabahith al-'Illah fi al-Qiyas 'ind al-Usuliyin*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

Al-Shanqiti, Muhammad Bin Mahfuz Bin Mukhtar Fal. (2007). *Al-Dhau' al-Musyriq Ala Sullam al-Mantiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Malik, Norman (2009). *Designing Social Research*. Cambridge: Polity Press.
- Mayd, Robert. (2003). *Critical Reasoning And Logic*. New Jersey: Pearson education inc.
- Muhammad 'Abd al-Wahid 'Abd Rahman. (2004). *Usul al-Fiqh*. Amman: *Dar al-Masirah*.
- Muzur Rehman Faridi (Ed.). (1999). *The Need for an Islamic Theory and Methodology of History*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.
- N. Syukriadi Sambas. (2003). *Mantik Kaidah Berpikir Islami*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Ibrahim 'Abd al-Rahman Ibrahim. (1999). *Al-Madkhal Li al-Dirasat al-Fiqh al-Islamiy*. Jarsh: *Dar al-Thaqafah*.
- Johnson, Robert M. (2007). *A Logic Book*. California: Thomson Learning.
- Kahane, Howard & Cavender, Nancy. (2002). *Logic And Contemporary Rhetoric*. California: Thomson Learning.
- Kelley, David. (1998). *The Art Of Reasoning*. New York: W.W. Norton Company & Inc.
- Leonard, Henry S. (1967). *Principles Of Reasoning: An Introduction To Logic, Methodology, and The Theory Of Signs*. New York: Dover Publications Inc.
- Louay Safi. (1996). *The Foundation Of Knowledge-A Comparative Study In Islamic and Methods Of Inquiry*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Mat Rofa Ismail. (1997). *Mantik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Syukri Salleh. (2008). "Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju". *Pemikir*, Bil. 54, Oktober-Disember. hlm. 133-164. Diterbitkan Semula Dalam Siri Kertas ISDEV No. 8.

- Muhammad Syukri Salleh. (2011). "Ke Arah Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam", dlm. Zakaria Bahari, et al., (Ed) Pengurusan Ilmu, Ekonomi Dan Pembangunan Berteraskan Islam. Pulau Pinang: Penerbit Universiti sains Malaysia.
- Muhammad Taqiy al-Mudarrisi. (1992). *Al-Mantiq al-Islami: Usuluh Wa Manahijuhu*. Kaherah: Dar al-Bayan Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr.
- Neuman, W. Lawrence. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin & Norman Blaikie. (2006). *Life Falsafah Penyelidikan*. Pulau Pinang: KnowledgeCraftsmen.
- Syatibi, Abu Ishak al-. 1994. *al-Muwafaqat*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Weathington, L. Bart et.al., (2010). *Research Methods For Behavioral And Social Sciences*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan Falsafah Sa Al-Quran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Yan Piaw, C. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Education.
- Yusuf al-Qardhawi. 1998. *Al-Quran Berbicara: Tentang Akal dan Ilmu Pengetahuan*, terj. Abdul Hayyie al-Kattani, Irfan Salim & sochimien MH. Jakarta: Gema Insani Press.

